

19 NOV 2001

DR MAHATHIR DAN ISTERI MELAWAT YANG DI-PERTUAN AGONG

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini melawat Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang sedang dirawat di Pusat Rawatan Gleneagles Intan, Jalan Ampang di sini.

Perdana Menteri dan isteri tiba di pusat rawatan itu pada kira-kira pukul 9.40 malam selepas beliau mengerjakan solat Isyak dan terawih di Masjid Saidina Osman Al Affan, Bandar Tun Razak.

Dr Mahathir dan Siti Hasmah meluangkan masa hampir satu setengah jam melawat Seri Paduka.

Kira-kira pukul 10 malam, Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah tiba di pusat rawatan itu.

Seri Paduka pulang ke tanah air dengan sebuah pesawat khas semalam selepas menjalani rawatan kesihatan selama hampir dua bulan di Hospital Mount Elizabeth di Singapura.

Seri Paduka menjalani pembedahan kecil di hospital itu pada 6 Okt lepas.

-- BERNAMA

NJ HS RHM